

KERJA-KERJA PENYELENGGARAAN DI LEBUHRAYA NKVE & ELITE

Pengguna lebuhraya disarankan rancang perjalanan

Petaling Jaya, 19 Julai 2025:- PLUS Malaysia Berhad (PLUS) melalui kontraktor pihak ketiga akan menjalankan kerja-kerja penyelenggaraan di Lebuhraya Baru Lembah Klang (NKVE) dan Lebuhraya Utara-Selatan Hubungan Tengah (ELITE) bagi memastikan keselesaan dan keselamatan pengguna lebuhraya.

Sehubungan itu, berikut adalah kerja-kerja yang akan dijalankan di lebuhraya-lebuhraya berikut:-

1. Lebuhraya Baru Lembah Klang (NKVE) – sila rujuk lampiran infografik A

Tarikh & masa yang dijadualkan	Lokasi dan lebuhraya	Kerja-kerja yang akan dijalankan
19 Julai hingga 14 Oktober 2025 (24-jam)	Laluan Damansara - Bukit Lanjan, KM19.30 - KM20.00 (Kedua-dua Arah) di Lebuhraya NKVE	Penyelenggaraan sistem perparitan. Penutupan lorong kanan (kedua-dua arah) dan pengaktifan lencongan jalan di lokasi.

2. Lebuhraya Utara-Selatan Hubungan Tengah (ELITE) – sila rujuk lampiran infografik B

Tarikh & masa yang dijadualkan	Lokasi dan lebuhraya	Kerja-kerja yang akan dijalankan
21 Julai hingga 25 Julai 2025 (Mulai 11.00 malam hingga 5.00 pagi)	Laluan Putrajaya - Bandar Saujana Putra, KM19.5 - KM18.0 di Lebuhraya ELITE	Pelancaran rasuk jambatan. Laluan kontra diaktifkan di lokasi.

Pengguna lebuhraya disarankan supaya merancang perjalanan mereka sepanjang tempoh tersebut. Mereka juga dinasihatkan supaya mematuhi semua papan tanda trafik serta arahan yang dikeluarkan oleh petugas PLUS ketika melalui kawasan terbabit.

Pengguna lebuhraya juga boleh mendapatkan maklumat trafik terkini menerusi Aplikasi PLUS, Pembantu Maya PUTRI, Aplikasi X@plustrafik atau Papan Tanda Elektronik (VMS) di lokasi-lokasi terpilih. Orang ramai juga boleh menghubungi talian PLUSLine di 1800-88-0000 sekiranya ingin mendapatkan bantuan apabila berlaku kecemasan.


-TAMAT-

PERTANYAAN MEDIA:

Mashitah Mohd Arshad Pemangku Ketua Komunikasi Korporat PLUS Malaysia Berhad Telefon Bimbit: 013-2097092 Emel: mashitah@plus.com.my	Rofina Adam Pengurus Komunikasi Korporat PLUS Malaysia Berhad Telefon Bimbit: 012-657 4452 Emel: rofina@plus.com.my
--	--

PENUTUPAN SEMENTARA LORONG KANAN LALUAN DAMANSARA-BUKIT LANJAN DI KM19.30-KM20.00 (KEDUA-DUA ARAH) DAN PENGAKTIFAN LENCONGAN JALAN DI LEBUHRAYA NKVE UNTUK KERJA PENYELENGGARAAN JALAN

Dijadualkan pada 19 Julai sehingga 14 Oktober 2025



Sila patuhi arahan pengawal/papan tanda trafik di lokasi demi keselamatan bersama.

Ikuti kami di media sosial



www.plus.com.my


PLUSLine 1800-88-0000

Aplikasi PLUS

PUTRI

PENGAKTIFAN LALUAN KONTRA DI LALUAN PUTRAJAYA-BANDAR SAUJANA PUTRA, KM19.5-KM18.0 DI LEBUHRAYA ELITE UNTUK KERJA PELANCARAN RASUK JAMBATAN

Dijadualkan pada 21 Julai hingga 25 Julai 2025, mulai 11:00 malam hingga 5:00 pagi



Sila patuhi arahan pengawal/papan tanda trafik di lokasi demi keselamatan bersama.

Ikuti kami di media sosial



www.plus.com.my [PLUSLine 1800-88-0000](tel:1800-88-0000) [Aplikasi PLUS](#) [PUTRI](#)